

30/05/1997

Menyalakan rokok umpama cucuh dinamit

Antirokok

TAHNIAH kepada pihak yang prihatin mengenai masalah semasa. Malah mereka begitu kreatif dan inovatif mengenai idea baru. Tetapi apalah gunanya idea yang bernas jika tiada kesinambungannya.

Satu masa dulu, kawasan awam diisytihar sebagai kawasan larangan merokok. Hari ini kita lihat perkara itu tidak lagi dipatuhi. Kata orang, jauh perjalanan luas pandangan, saya hanya terceruk di daerah kecil tetapi lengkap dengan kemudahan infrastruktur seperti di daerah lain. Apa yang dapat dilihat penguatkuasaan boleh dikatakan tidak dititikberatkan.

Begitu juga dengan Kementerian Pendidikan yang menyatakan akan bekerjasama dengan ibu bapa untuk meneruskan agenda larangan merokok di sekolah. Ini kerana pelajar terdedah kepada kegiatan merokok daripada pengaruh rakan sebaya. Bagi yang tidak bersekolah pendedahannya lebih berupa kesan persekitaran iaitu ia lebih kepada tanggungjawab dan kebijaksanaan ibu bapa menanganinya.

Bak kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad: "Sekali terperangkap dengan dadah bermakna hidup menjadi sia-sia dan hanya menempah maut". Dari kajian saintifik membuktikan nikotin dalam asap rokok boleh menyebabkan ketagihan. Ini juga diakui oleh salah satu syarikat pengeluar barangan tembakau selepas mengadakan kajian.

Apakah rokok atau sebarang hasil tembakau bukan diklasifikasikan sebagai dadah? Berapa ramai rakyat Malaysia mensia-siakan wang dengan menghisap rokok sebagai tiket menempah maut? Berapa ramai perokok pasif di Malaysia yang sudah merana kerana penyakit?

Ingatlah menyalakan rokok umpama menyalakan sumbu dinamit yang akan meletup. Letupan itu bukan saja memudaratkan diri malah orang di sekelilingnya.